

ULASAN DANA

Pada bulan Mac 2025, dana mencatat pulangan berjumlah -0.74% berbanding pulangan penanda aras berjumlah -0.88%. Bagi pencapaian 10 tahun, dana telah mencatat pulangan berjumlah 27.79% iaitu 15.61% lebih baik daripada pulangan penanda aras.

CIRI-CIRI DANA

Objektif Pelaburan

Dana direka untuk memberikan prestasi daripada ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah yang mengatasi kadar akaun pelaburan am 12-bulan Simpanan Semasa Islamik sepanjang tempoh 5-tahun.

Strategi Pelaburan

Dana ini akan melabur sekurang-kurangnya 15% dalam ekuiti patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dan sekurang-kurangnya 25% dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah, dan apa-apa bahagian dana akan dilaburkan dalam tunai dan simpanan tetap. Campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, tunai dan simpanan tetap ditentukan berdasarkan jangkaan pengurus dana terhadap pulangan setiap kelas aset. Jangkaan ini adalah berdasarkan analisis ekonomi, kadar faedah, dan turun naik dalam pasaran ekuiti. Ekuiti individu dipilih berdasarkan pandangan pengurus dana ke atas mana-mana ekuiti yang boleh mengatasi indeks, dan juga berdasarkan kepada analisis kualiti pengurusan, potensi pertumbuhan pendapatan dan kedudukan pasaran syarikat yang mendasarinya. Sekuriti pendapatan tetap, dengan penarafan kredit purata keseluruhan A tunggal atau lebih baik, dipilih berdasarkan jangka masa belum tamat untuk sekuriti individu tersebut, dan pandangan terhadap pergerakan kadar faedah. Pendekatan pelaburan ini adalah aktif.

Pasaran Sasaran


Individu yang mahukan pulangan lebih besar daripada melabur secara tunggal dalam bon atau pendapatan tetap patuh Syariah, tetapi dengan kemaruapan yang lebih rendah berbanding melabur secara tunggal dalam salah satu daripadanya, dan percaya bahawa pengurus dana boleh mengatasi pasaran.

Penanda Aras

40% Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah (www.bursamalaysia.com), 55% Kadar Simpanan berjangka 12-bulan Maybank Islamic (www.maybank2u.com.my), 5% 1-bulan Bil Perbendaharaan Islam Band 1 Bank Negara Malaysia (MTB-i) (www.bnm.gov.my).

PRESTASI DANA

Prestasi Nilai Aset Bersih



Sejarah Prestasi Dana (dalam %)

%	1 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Ditahunkan 10 tahun
Dana	-0.74	-7.91	-0.59	9.22	20.54	27.79	2.48
Penanda Aras	-0.88	-4.39	-0.14	2.33	12.52	12.18	1.16
Perbezaan	0.14	-3.52	-0.45	6.89	8.02	15.61	1.32

Sumber: Etiqa Family Takaful Berhad


BUTIRAN DANA

Tarikh Permulaan	15 Oktober 2014
Mata wang Dana	Ringgit Malaysia
Pengurus Dana	Etiqa Family Takaful Berhad
Saiz Dana	RM86.94 juta
Nilai Aset Bersih (NAB) seunit	RM1.34
Fi Pengurusan Dana	1.20% setahun daripada NAB
Ticker Bloomberg	DANASSB MK Equity
Tahap Risiko Keseluruhan	3 (1=Risiko Rendah hingga 5=Risiko Tinggi)
Asas Penilaian Unit	Harga unit ditentukan setiap hari berdasarkan nilai aset yang mendasari dana, selepas menolak perbelanjaan, dibahagikan dengan jumlah bilangan unit dalam dana tersebut.
Kekerapan Penilaian Unit	Setiap hari
Caj-caj Lain, jika ada Patuh Syariah	Tiada Ya

5 PEGANGAN TERATAS

- TENAGA NASIONAL BERHAD
- SEKURITI KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA
- EDRA ENERGY SDN BHD
- BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
- PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS BERHAD

PERUNTUKAN ASET



Sumber: Etiqa Family Takaful Berhad

Nilai Aset Bersih Tertinggi dan Terendah seunit (dalam RM)

Tahun	Tertinggi (RM)	Terendah (RM)
2025 (YTD)	1.46	1.30
2024	1.51	1.26
2023	1.26	1.16
2022	1.25	1.11
2021	1.30	1.18

Kedadaan Luar Biasa

- Dalam keadaan luar biasa, kami berhak untuk menggantung pengeluaran atau pembatalan unit. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan akan disiarkan di laman web kami, dan akan diberitahu kepada peserta atas apa-apa permintaan untuk penambahan, pertukaran, atau penarikan balik kepada atau daripada dana.
- Pada bila-bila masa, kami mempunyai hak untuk menutup mana-mana dana, atau untuk memindahkan pelaburan kepada dana baharu, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh pengawal selia. Dalam keadaan sedemikian, kami akan memberikan notis bertulis 90 hari terlebih dahulu.

PENDEDAHAN RISIKO

Peserta harus mempertimbangkan potensi risiko berikut apabila melabur dalam dana. Pelabur harus sedar bahawa dengan melabur dalam Dana, tiada jaminan pulangan. Tiada jaminan bahawa pelabur akan menikmati kenaikan modal atau tidak akan mengalami kehilangan modal yang dilaburkan dalam Dana.

- 1 **Risiko Pasaran** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang memberi kesan kepada prestasi keseluruhan pasaran kewangan. Faktor-faktor ini disebabkan oleh keadaan pasaran Semasa atau tinjauan masa hadapan, dan boleh melibatkan kedua-dua pasaran tempatan dan asing. Faktor-faktor ini boleh termasuk ekonomi, politik, kadar hasil bon kerajaan, serakan kredit ke atas bon korporat, penarafan kredit negara, tahap pasaran saham, kadar pertukaran asing, dan harga komoditi. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko kepada dana dengan membeli perlindungan harga, melabur dalam pelbagai kelas aset atau dengan meningkatkan pendedahan kepada tunai. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko pasaran dengan memilih dana yang mempunyai kadar aset berbentuk tunai yang lebih tinggi.
- 2 **Risiko Kredit dan Kemungkiran** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang dilaburkan dalam tunai, bon atau hutang, disebabkan oleh faktor-faktor penangguhan atau penyusunan semula pembayaran berjadual daripada pihak berurusan ke atas pelaburan yang mendasarinya. Faktor-faktor ini boleh termasuk kebangkrutan pihak berurusan. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan membeli perlindungan risiko kredit, mengurangkan pendedahan kepada pihak berurusan dengan risiko kredit yang lebih rendah, atau memilih aset banyak pihak berurusan yang tidak berkaitan. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kredit dengan memilih dana dengan pendedahan yang lebih rendah kepada bank-bank atau penerbit-penerbit dengan risiko kredit yang lebih tinggi.
- 3 **Risiko Kecairan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh faktor-faktor yang menghalang penjualan suatu aset dana dengan segera. Faktor-faktor ini boleh termasuk kekurangan pembeli dalam pasaran, atau ketersediaan kecairan kepada pembeli. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan memilih tunai atau aset di mana dagangan kerap dilakukan. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko kecairan dengan memilih dana yang mempunyai pendedahan yang lebih tinggi kepada tunai atau aset yang kerap didagangkan.
- 4 **Risiko Penumpuan** - Risiko kerugian dalam nilai dana, disebabkan oleh pendedahan berlebihan kepada aset atau pasaran tunggal atau serupa. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dana dengan melabur dalam pelbagai aset. Peserta boleh mengurangkan pendedahan mereka kepada risiko penumpuan dengan memilih dana yang memegang pelbagai aset, atau merangkumi pelbagai kelas aset, sektor pasaran, dan pihak berurusan.
- 5 **Risiko Operasi** - Risiko kerugian dalam nilai dana disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses, manusia dan sistem atau peristiwa luaran. Beberapa contoh insiden operasi termasuk:
 - penyelewengan pelaburan disebabkan oleh penipuan, tindakan menyalahi undang-undang, berniat jahat, iri hati, atau keganasan;
 - gangguan atau kegagalan sistem dan infrastruktur IT, yang mungkin digunakan untuk pemantauan, pelaksanaan, dan pentadbiran;
 - pengiraan tidak tepat kerana kualiti atau kesilapan data, kelemahan metodologi, atau salah pengiraan; dan
 - kawalan yang tidak tepat atau tidak lengkap.Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan mengasingkan tugas dan fungsi individu; mewujudkan proses pemulihan bencana dan kesinambungan perniagaan; melaksanakan pemeriksaan berkala secara bebas; dan melaksanakan pemilihan vendor pihak ketiga dan proses penilaian yang berterusan.
- 6 **Risiko Tidak Patuh Syariah** - Risiko kerugian dalam nilai dana yang disebabkan oleh ketidakpatuhan dengan peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah bagi aset tertentu dana. Sekiranya aset tertentu menjadi tidak patuh, maka pendapatan ke atas aset perlu didermakan jika terus dipegang, atau nilai aset tertentu boleh jatuh disebabkan oleh lebih penjual dalam pasaran. Peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah atau majlis kawal selia yang lain. Pengurus pelaburan mengurangkan risiko dengan memantau pelaburan yang dipegang berbanding senarai sekuriti patuh Syariah yang diluluskan.

NOTA-NOTA PENTING

- 1 Helaian Fakta Dana ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja, dan tidak seharusnya difafsirkan sebagai tawaran, cadangan atau permintaan untuk menyertai atau memiliki suatu sijil takaful. Ia tidak dalam apa-apa cara atau perbuatan dihasratkan untuk menjadi atau harus dianggap sebagai memberi apa-apa bentuk nasihat kepada anda. Bakal peserta perlu melakukan penilaian mereka sendiri tentang kesesuaian sijil dan risiko-risiko dana, berbanding dengan keperluan mereka, dan perlu mengambil kira nasihat profesional.
- 2 Helaian Fakta Dana ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Ilustrasi Pemasaran dan Helaian Pendedahan Produk bagi sijil. Bakal peserta perlu memberi perhatian teliti terhadap manfaat sijil yang bergantung kepada prestasi dana.
- 3 Risiko-risiko yang didedahkan di atas bukanlah semua risiko yang mungkin berkaitan dengan bakal peserta tertentu. Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain dari Semasa ke Semasa.
- 4 Prestasi dana terikat dengan prestasi aset yang dipegang oleh dana, dan seperti yang dinyatakan dalam helaian fakta dana ini.
- 5 Prestasi lepas bukan petunjuk prestasi masa hadapan.
- 6 Prestasi dana adalah pulangan ke atas aset dana, bukan pulangan ke atas sumbangan yang dibayar, kerana sumbangan tertakluk kepada caj-caj sebelum melabur dalam dana, dan dana mungkin tertakluk kepada caj-caj, yang khusus bagi sijil takaful, dan perbezaan masa aliran tunai.
- 7 Prestasi dikira berdasarkan NAB seunit pada permulaan dan akhir tempoh pengukuran, dikira sebagai:
Pulangan NAB = (Tempoh Akhir NAB seUnit / Tempoh Mula NAB seUnit) – 1
- 8 Prestasi tahunan dikira berdasarkan kaedah pulangan dikompaun.